



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 11/2024**



## KELEBIHAN BERZIKIR

22 NOVEMBER 2024 | 20 JAMADILAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَاعِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Amalan berzikir kepada Allah Taala merupakan ibadat yang kelihatannya mudah namun amat besar nilainya di sisi Allah Azzawajalla kerana ketika berzikir kita sedang mengagungkan dan membesarakan Allah dengan lidah dan hati. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Ahzab ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.”

Amalan berzikir kepada Allah Taala amat penting kerana kita akan memperolehi kebaikan yang banyak, antaranya ialah ketenangan hati. Allah Azzawala berfirman dalam surah Ar Ra'du ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

**Yang bermaksud:** “(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan menyebut “Allah”, ketahuilah dengan menyebut “Allah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”



Nikmat yang paling besar bagi orang yang berzikir ialah Allah Azzawajalla sentiasa ingat kepadanya. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 152:

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ

**Yang bermaksud:** “Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku, supaya Aku Mengingati kamu (dengan membalas kamu dengan kebaikan).”

Nabi sallallahu`alaihi wasallam memberi nasihat kepada seorang sahabat bahawa amalan yang paling mudah untuk dia berpegang dengan agama Allah iaitu zikrullah sebagaimana nasihat Baginda dalam hadis riwayat Imam Ahmad yang bermaksud,

*Hendaknya lidahmu basah (terus menerus) berzikir kepada Allah ‘Azza wa Jalla.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,**

Terdapat beberapa zikir yang digalakkan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian kita. Pertamanya ialah zikir لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam Al-Tirmizi,

أَفْضَلُ الدِّيْنِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Yang bermaksud,

Zikir yang paling afdal ialah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ



Sesungguhnya orang yang menjaga amalan zikir memperolehi pelbagai keuntungan dan kebahagiaan dalam kehidupan.

Keduanya, kita boleh berzikir selepas solat dengan bertasbih, bertahmid dan bertakbir dengan mengharapkan keampunan daripada Allah Taala sebagaimana hadis Nabi sallallahu`alaihi wasallam dalam riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

*“Barangsiapa yang mengucapkan ‘Subhanallah’ sebanyak 33 kali, ‘Alhamdulillah’ sebanyak 33 kali, dan ‘Allahu Akbar’ sebanyak 33 kali selepas menunaikan solat fardhu, maka dia akan diampunkan dosanya walaupun sebanyak buih di laut.”*

Manfaatkanlah peluang untuk melazimi zikir-zikir tersebut setiap kali selepas solat fardu sama ada secara berjemaah atau bersendirian.

Ketiganya, bacaan yang dianjurkan pagi dan petang sebagaimana hadis riwayat Ibnu Majah yang bermaksud,

*“Tidaklah seorang hamba itu apabila membaca setiap hari pada waktu pagi dan petang sebanyak tiga kali maka dia tidak akan ditimpa dengan sesuatu bahaya dan bencana iaitu dengan membaca:*

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ، وَهُوَ**

**السَّمِيعُ الْعَلِيمُ**



**Yang bermaksud:** “*Dengan nama Allah yang tidak dimudharatkan sesuatu pun dengan nama-Nya sama ada di bumi atau di langit. Dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui,*”

Antara fadilat bacaan ini ialah Allah Ta’ala akan memberi perlindungan dan keselamatan daripada bahaya, musibah dan bencana kepada setiap hamba-Nya yang berzikir kepada-Nya.

Begitulah juga zikir-zikir yang lain, bukan sahaja kita memperolehi pahala yang besar namun Allah Ta’ala juga akan menganugerahkan pelbagai nikmat di dunia lagi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,**

Apabila melihat kepada perjalanan hidup Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam, baginda sering mendidik para sahabat dan umatnya dengan amalan zikir dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Baginda sallallahu`alaihi wasallam pernah juga menasihati dua orang sahabat yang berada dalam keadaan marah hingga muka mereka kemerahan supaya melafazkan zikir sebagaimana hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

“*Kalau mereka berkata, أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ Pasti kemarahan mereka akan hilang*”



Demikian juga ketika Sayyidah Fatimah Radiallahu Anha datang kepada Nabi sallallahu`alaihi wasallam untuk meminta diberi pembantu (hamba). Baginda berkata kepada anaknya yang dikasihi itu sebagaimana dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

*“Mahukah kamu berdua jika aku tunjukkan kepada sesuatu yang lebih baik daripada seorang pembantu? Jika kamu berdua hendak tidur, ucapkanlah takbir 33 kali, tasbih 33 kali, dan tahmid 33 kali. Maka ini adalah lebih baik daripada seorang pembantu.”*

Secara khususnya pada hari Jumaat ini kita digalakkan untuk berzikir dengan berselawat kepada Baginda Nabi sallallahu`alaihi wasallam sebagaimana sabdanya yang dinukilkhan oleh Imam al-Baihaqi di dalam kitab al-Sunan al-Kubrā bahawa Nabi sallallahu`alaihi wasallam bersabda:

أَكْثِرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِي كُلِّ يَوْمٍ جُمُعَةٍ؛ فَإِنَّ صَلَاةَ أُمَّتِي تُعْرَضُ عَلَيَّ فِي كُلِّ يَوْمٍ

جُمُعَةٍ، فَمَنْ كَانَ أَكْثَرَهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً كَانَ أَفْرَجَهُمْ مِنِّي مَنْزِلَةً

**Yang bermaksud:** “Perbanyakkan berselawat ke atasku pada setiap hari Jumaat. Sesungguhnya selawat umatku dibentangkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Sesiapa yang paling banyak berselawat kepadaku, dia adalah orang yang paling hampir kedudukannya denganku.”

Kesimpulannya, zikir kepada Allah Azzawajalla merupakan ibadat yang besar dan menjadi asas kepada kekuatan peribadi seorang Islam. Berusahalah untuk sentiasa berzikir kepada Allah Taala dalam kehidupan kita setiap hari. Zikir akan menjauahkan kita daripada kelalaian dan



mendekatkan kita kepada-Nya serta membawa kebahagiaan dalam kehidupan.

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ

ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.